

U B817 AAB

MAHATHIR-PARLIMEN

1985

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN KEPADA RAKYAT BAHAWA MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MERASA TERHINA DAN +APOLOGETIC+ KERANA SISTEM DEMOKRASI NEGARA INI BERBEZA DENGAN AMALAN DI NEGARA-NEGARA LAIN.

+SISTEM KITA ADALAH UNTUK KEADAAN DI NEGARA KITA,+ TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN 25 TAHUN PARLIMEN MALAYSIA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

YANG PENTING, KATA PERDANA MENTERI, IALAH SISTEM YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI MEMBERI PILIHAN KEPADA RAKYAT MEMILIH KERAJAAN DAN KERAJAAN ITU TIDAK DIBERI HAK MEMERINTAH SECARA DIKTATOR.

KATANYA, ADA NEGARA YANG MENGGELAR DIRINYA SEBAGAI NEGARA DEMOKRATIK TETAPI MENGAMALKAN SISTEM YANG AUTOKRATIK. ADA JUGA NEGARA YANG BEGITU DEMOKRATIK DARIPADA SEGI KEBEBASAN KEPADA GOLONGAN MINORITI SEHINGGA HAK MAJORITI TERANCAM.

+SEBENARNYA TIDAK ADA DEMOKRASI YANG +IDEAL+, YANG TIDAK CACAT DI DUNIA INI. SEMUA DEMOKRASI, DI TIMUR ATAU DI BARAT, DI NEGARA MAJU ATAU NEGARA MEMBANGUN, ADALAH CACAT, + KATANYA. -- LAGI.

1252MST 30 03 85

U B818 AAB

MAHATHIR-PARLIMEN 2 KUALA LUMPUR

+KITA DI MALAYSIA TIDAK PERLU BERASA TERHINA DAN +APOLOGETIC+ KERANA SISTEM DEMOKRASI KITA BERBEZA DENGAN SISTEM YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT BOLEH BERBANGGA KERANA TIDAK ADA SESIAPA DI DUNIA INI YANG BOLEH BERKATA BAHAWA PILIHANRAYA DI MALAYSIA TIDAK BEBAS.

+IA BEBAS DAN TIDAK PERNAH BERLAKU PARTI KERAJAAN MEMENANGI 100 PERATUS KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN.

+PARTI PEMBANGKANG TETAP MENDAPAT TEMPAT. JIKA BILANGAN MEREKA KECIL, ITU ADALAH KEPUTUSAN RAKYAT.

+MALAYSIA IALAH SEBUAH NEGARA DEMOKRATIK DENGAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN KITA BERBANGGA DENGAN SISTEM YANG KITA AMALKAN INI,+ KATANYA LAGI. -- LAGI.

1255MST 30 03 85

D630

U B819 AAB

MAHATHIR-PARLIMEN 3 KUALA LUMPUR

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENGGESA PARA PELAJAR, KHUSUSNYA DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI DALAM DAN LUAR NEGERI, SUPAYA BERWASPADA TERHADAP TINDAK TANDUK GOLONGAN TERTENTU YANG SENGAJA MEMBURUK-BURUKKAN SISTEM PEMERINTAHAN NEGARA INI YANG TELAH DIAMALKAN SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN.

PARA PELAJAR, PERDANA MENTERI BERKATA, HENDAKLAH SENTIASA SEDAR BAHAWA DENGAN WUJUDNYA SISTEM PEMERINTAHAN SECARA DEMOKRASI, MEREKA MENDAPAT KEBEBASAN DAN KEMUDAHAN UNTUK Mencari Ilmu.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEKALI LAGI MENYERU MEREKA SUPAYA MENUMPUKAN MASA DAN PERHATIAN KEPADA TANGGUNGJAWAB Mencari Ilmu DI SAMPING MENGGUNAKAN SEGALA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMENUHI HASRAT DAN HARAPAN RAKYAT.

KEPADA WAKIL-WAKIL RAKYAT, BELIAU MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA SENTIASA SENSITIF TERHADAP HASRAT DAN HARAPAN RAKYAT DENGAN SENTIASA MELETAKKAN KEPENTINGAN RAKYAT MELEBIHI KEPENTINGAN DIRI.

+DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB TERSEBUT, KITA PERLU BERSIKAP ADIL DAN SAKSAMA DALAM MELAYANI KEPERLUAN SERTA ASPIRASI RAKYAT; + KATANYA. -- LAGI.

1301MST 30 03 85

D632

U B820 AAB

MAHATHIR-PARLIMEN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENEGASKAN BAHAWA JIKA MANUSIA MENYALAH-GUNAKAN SISTEM DEMOKRASI SEHINGGA MENDATANGKAN KEBURUKAN KEPADA MASYARAKAT UMUM, MAKA DEMOKRASI KERANA DEMOKRASI PERLU DIFIKIRKAN SEMULA.

KATANYA, ATAS SEBAB ITULAH PARTI KOMUNIS TIDAK DIBENARKAN DI NEGARA INI KERANA MEREKA BERHASRAT MENGGUNAKAN DEMOKRASI UNTUK MENDAPAT KUASA SUPAYA DENGAN KUASA ITU MEREKA DAPAT MENGHAPUSKAN DEMOKRASI.

+TINDAKAN MENGHARAMKAN PARTI KOMUNIS PADA PERMUKAANNYA ADALAH TIDAK DEMOKRATIK TETAPI TUJUANNYA IALAH UNTUK MEMELIHARA DEMOKRASI.

+BEGITU JUGA DENGAN TINDAKAN-TINDAKAN LAIN YANG SEPINTAS LALU MERUPAKAN PENAFIAN TERHADAP DEMOKRASI TETAPI SEBENARNYA *DALAM JANGKA PANJANG BERTUJUAN MEMELIHARA DEMOKRASI;+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU BERHARAP SEMUA PIHAK, TERUTAMANYA GENERASI MUDA, PERLU SEDAR MENGENAI SEKATAN-SEKATAN YANG DIAMBIL DALAM SISTEM DEMOKRASI DI MALAYSIA AGAR MEREKA TIDAK MUDAH DIPUTARBELITKAN OLEH GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG SENTIASA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUKUR KEBEBASAN YANG DIAMALKAN DI SINI MENGIKUT KEBEBASAN YANG DIAMALKAN DI NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI.

1304MST 30 03 85

D633

U B821 AAB

MAHATHIR-PARLIMEN 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANA PUN SUKACITA KERANA SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN TELAH DITERIMA OLEH RAKYAT MALAYSIA DARIPADA SEMUA KETURUNAN YANG MEMAINKAN PERANAN MEWUJUDKAN KESTABILAN NEGARA.

KESTABILAN DAN KEMANTAPAN POLITIK DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN TELAH MEMBOLEHKAN KERAJAAN MERANGKA, MENGGUBAL DAN SETERUSNYA MELAKSANAKAN STRATEGI-STRATEGI PEMBANGUNAN NEGARA YANG MEMBOLEHKAN RAKYAT MENIKMATI KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN DALAM HIDUP MEREKA; KATANYA.

+ADALAH MENJADI SATU TANGGUNGJAWAB YANG MURNI BAGI KITA UNTUK BERUSAHA SEDAYA UPAYA MEMPERTAHANKAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DI NEGARA INI.

+DENGAN IZIN ALLAH SUBHANAHU WATAALA, HARAPAN DAN HASRAT RAKYAT SUPAYA MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA YANG AMAN, MAJU, BERSATU PADU DAN BERMARUAH AKAN TERCAPAI DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN; + KATANYA. -- BERNAMA.

1304MST 30 03 85